

#### 4.4.2 Keratan Akhbar

**100** Malaysia

MUKA 10  
RABU 3 DISEMBER 2008



## Kolam Air Panas Cherana Putih mampu menjadi pusat pelancongan kesihatan

**LANDSKAP** yang terdapat di kawasan Rekreasi Air Panas Cherana Putih.

**MELAKA** seperti yang dikenal merupakan sebuah negeri yang kaya dengan sejarah. Malah tempat-tempat pelancongan di sekitar Melaka juga terdiri daripada kawasan-kawasan peninggalan sejarah.

Mungkin ramai yang tertanya-tanya selain tempat pelancongan yang berunsurkan sejarah, adakah tempat yang dapat para pelancong berehat sambil bersehati.

Jawapannya, ada. Ramai yang tidak mengetahui bahawa di negeri Melaka wujudnya kawasan Rekreasi Air Panas Cherana Putih di Taloh Nanning, Alor Gajah.

Ramai yang tidak mengetahuinya mungkin kerana daerah ini lebih dikenal sebagai produk krafangan yang popular di kalangan pelancong luar dari Melaka.

Terletak kira-kira tiga kilometer dari Plaza Tol Simpang Ampat, pusat Rekreasi Air Panas Cherana Putih lebih popular di kalangan penduduk kampung di situ dan tidak ketinggalan mereka yang datang dari kampung-kampung berhampiran termasuk dari Tampin, Negeri Sembilan.

Kedudukannya yang agak tersorok dari pandangan umum dan dikelilingi rumah-rumah kampung di situ, menyukarkan pengunjung atau orang luar yang melalui Kampung Cherana Putih mengetahui tentang kewujudan kolam air panas di kampung itu.

Kawasan tersebut mula dibuka sejak beberapa tahun lalu dan telah beberapa kali mengalami transformasi perubahan setelah pengurusannya diletakkan di bawah Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

Hari ini kawasan rekreasi tersebut kelihatan baru dinaik taraf dan bersih selain dikelilingi beberapa buah rumah kampung dan ladang kelapa sawit.

Yang pasti masuk ke kawasan rekreasi tersebut adalah percuma dan segala kemudahan turut disediakan untuk para pengunjung.

Apa yang menarik mengenai kolam air panas di Kampung Cherana Putih ini ialah terdapat kira-kira 10 kolam air panas dan orang ramai boleh mandi-manda dan merendam kaki mereka di kolam yang disediakan di situ bermula pukul 6 pagi hingga 7 malam.

Asalnya, kawasan rekreasi tersebut hanya mempunyai sebuah perigi tetapi ia telah ditambah kepada 10 telaga air panas.

Dalam usaha menarik pelancong ke kolam air panas Kampung Cherana Putih tersebut, kebersihan amat dititik beratkan dan kerja-kerja membaiki persekitaran kawasan rekreasi air panas ini dijalankan setiap hari.

Mungkin apa yang perlu dilakukan dalam usaha menarik lebih ramai pelancong mengunjungi kolam air panas ini adalah dengan memasang papan tanda arah di pintu masuk ke situ.

Dalam masa yang sama memperhebatkan kegiatan mempromosi tempat tersebut pada masa depan.

Jika diperindahkan lagi, tidak mustahil satu hari nanti kawasan rekreasi tersebut akan menjadi salah satu kawasan pelancongan yang popular bagi pengunjung luar untuk mandi dan beriadah bersama keluarga.

Kawasan tersebut mula dibuka sejak beberapa tahun lalu dan telah beberapa kali mengalami transformasi perubahan setelah pengurusannya diletakkan di bawah Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

Kolam Air Panas Cherana Putih (Fasa 1) merupakan salah satu projek di bawah program Pemulihan dan Pemuliharaan yang telah disiapkan pada tahun 2008.



Kedudukan Kolam Air Panas sebelum program pemulihan





*Pengurusan Landskap*



## 5.0 Program Pengurusan Landskap merangkumi program berikut:

### 5.1 Penyelenggaraan Taman Awam dan Landskap

Program Penyelenggaraan Taman Awam Dan Landskap dilaksanakan oleh Jabatan Landskap Negara bertujuan untuk membantu dan memberi sokongan kepada program penyelenggaraan landskap yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Melalui program ini, Jabatan mengharapkan projek-projek pembangunan landskap akan dapat mencapai objektif dan fungsinya secara berkesan.

### 5.2 Pembangunan Piawaian Pengurusan Landskap

Pembangunan Piawaian Pengurusan Landskap merupakan program baru Jabatan Landskap Negara di dalam RMK9, bertujuan untuk mendapatkan piawaian pengurusan yang praktikal dan terbaik melalui pewujudan piawaian pengurusan dan penyelenggaraan yang seragam. Penyediaan piawaian ini akan membantu Pihak Berkuasa Tempatan, agensi dan institusi kerajaan serta pihak swasta yang terlibat di dalam pembangunan landskap melaksanakan amalan pengurusan dan penyelenggaraan terbaik yang meliputi aspek hortikultur, arborikultur dan ameniti.

### 5.3 Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Landskap (e-Landscape)

Projek e-Landscape adalah merupakan sebuah sistem bersepadu mengenai pengurusan maklumat landskap secara 'web-based' yang merangkumi kesemua modul perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap di seluruh Negara. Sistem ini akan dibangunkan secara berfasa dan dijangka sempurna untuk dilayari pada tahun 2015. Antara modul pembangunan yang terdapat di dalam e-Landscape adalah seperti berikut:

- Modul Perancangan Pembangunan Landskap & Taman
- Modul Pengurusan Projek Landskap
- Modul Pengurusan Landskap & Taman
- Modul Inventori Pokok
- Modul Maklumat Promosi & Industri Landskap
- Modul Maklumat Polisi Landskap
- Modul Pengurusan Maklumat Penyelidikan & Pemuliharaan
- Modul Pengurusan Maklumat Landskap Lembut
- Modul Pengurusan Maklumat Landskap Kejur
- Modul Laporan Maklumat Pengurusan dan Pembangunan Landskap & Taman



Penyelenggaraan Landskap dan Membaikpulihan Taman serta kerja-kerja Berkaitan di Majlis Daerah Maran



Sebelum Kerja-kerja Dijalankan



Sebelum Kerja-kerja Dijalankan



Semasa Perlaksanaan



Semasa Perlaksanaan



Selepas Perlaksanaan



Selepas Perlaksanaan

## Aktiviti

- Kursus teknik pembiakan tanaman hiasan, kursus penanaman dan kursus penyelenggaraan landskap lembut di JLN.
- Mengadakan kursus untuk agensi luar seperti sekolah-sekolah, IPT / IPTS, NGO, agensi luar dan sebagainya.





Plumeria pink







# *Selayang Pandang*



*Program Jabatan Sepanjang Penubuhan*

## Hari Landskap Negara

Kerajaan telah mengistiharkan 3 mac setiap tahun sebagai hari Landskap Negara. Ianya bersempena dengan tarikh pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara pada 3 Mac 1997. Selain itu, ianya selaras dengan cadangan Y.A.B Perdana Menteri semasa pelancaran kempen supaya di adakan satu hari khusus untuk setiap orang mengadakan aktiviti penanaman pokok untuk pengindahab negara. Tujuan utama Hari Landskap Negara diadakan ialah untuk mempertingkatkan kualiti pembangunan landskap negara dengan mewujudkan kesedaran, minat dan pengetahuan di kalangan semua pihak terhadap landskap dan seni taman.

Tahun	Tema
1997	Ke Arah Malaysia Negara Taman 2005
1998	Ke Arah Malaysia Negara Taman 2005
1999	Pemeliharaan Warisan Landskap
2000	Landskap Berkualiti dan Berterusan
2001	Cintailah Landskap Kita
2002	Cintailah Landskap Kita
2003	Negara Indah Rakyat Sejahtera
2004	Negara Indah Rakyat Sejahtera
2005	Bunga Raya Semarak Negara
2006	Bangsa Berbudaya Landskap Dipelihara
2007	Landskap Satu Industri
2008	Komuniti Penggerak Negara



## Festival Laman

Jabatan Landskap Negara telah berjaya menganjurkan Festival Antarabangsa Landskap dan Taman Malaysia (LAMAN) bertempat di Taman tasik Perdana, Kuala Lumpur pada 17 – 25 Julai 2004 dan 6 – 16 Julai 2006. Festival ini telah dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, selaku Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada masa itu. Festival LAMAN yang telah berlangsung selama 10 hari telah berjaya menarik lebih dari 140,000 orang pengunjung untuk mengunjungi acara yang berpestij, gilang-gemilang dan penuh berwarna-warni dengan pameran dan pertunjukan pelbagai produk serta perkhidmatan seni landskap, taman dan flora. Di samping itu pelbagai aktiviti sampingan juga telah di adakan yang merangkumi pelbagai jenis pertandingan, ceramah, demonstrasi, seminar, persembahan hiburan dan kebudayaan.





## Program Menanam Bunga Raya Seluruh Negara

Program ini telah dilancarkan di peringkat persekutuan pada 15 September 2005 di Taman Botani, Putrajaya oleh Y.B Dato' Seri Ong Ka Ting, Mantan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sambutan di peringkat negeri pula telah disempurnakan oleh Y.A.B Menteri Besar/Ketua Menteri.

Oleh kerana ia diadakan sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Kali ke 48 Tahun 2005, sebanyak 48,000 pokok bunga raya telah ditanam di seluruh negara.



## Kempen Tanam Pokok Seluruh Negara

Program Kempen Tanam Pokok Seluruh Negara diadakan bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi di dalam melaksanakan kempen yang telah dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 3 Mac 1997. Program ini diadakan bertujuan untuk mempertingkatkan tahap kehijauan, kualiti landskap dan alam sekitar di seluruh negara dengan penglibatab semual lapisan masyarakat. Aktiviti ini juga adalah susulan daripada hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman menjelang tahun 2005. Sasaran kempen ini ialah meneanam 3 juta pokok menjelang tahun 2000 dan 6.5 juta pokok menjelang tahun 2005.





# Kempen Tanam Pokok Seluruh Negara





# Kempen Tanam Pokok Seluruh Negara



## 44 th International Federation Of Landscape Architects (IFLA) World Congress 2007

Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan telah menganjurkan '44th International Federation Of Landscape Architects' (IFLA) World Congress pada 27-31 Ogos 2007 lalu bertempat di Putra World Trade Center (PWTC) yang telah dirasmikan oleh Y.B Dato' Seri Ong Ka Ting, Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kongres tersebut telah dihoskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan dihadiri oleh lebih 350 orang peserta dari dalam dan luar negara..

IFLA 2007 merupakan persidangan antarabangsa yang diadakan setiap tahun dan menghimpunkan wakil-wakil arkitek landskap bagi setiap negara diseluruh dunia. Persidangan ini akan membincangkan segala isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh profision arkitek landskap.

Tema persidangan iaitu *EDEN-ing The Earth* adalah selaras dengan wawasan menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020. Ia diikuti dengan lima sub tema iaitu *Landscape and Parks as Natural Resources*, *Biodiversity and Landscape Planning*, *Sustainability in Landscape Planning and Design*, *Disaster Management and Landcsape Arcitecture* dan *Cultural Landscape in the Era of Globalisation*. Sebanyak 6 ucaptama dan 80 kertas kerja oleh penceramah dan pakar dalam bidang landskap dari 27 negara termasuk Malaysia dibentangkan dalam persidangan tersebut.



Majlis perasmian yang disempurnakan oleh Y.B Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan penyampaian cenderahati oleh Pengarah JLN kepada presiden IFLA

## 44 th International Federation Of Landscape Architects (IFLA) World Congress 2007



Sebahagian daripada pembentang kertas kerja



Sebahagian daripada peserta seminar yang terdiri daripada peserta dalam dan luar negara



## Taman Malaysia

Pembentukan Taman Malaysia teretus berikutan saranan Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menginginkan wujudnya sebuah taman bercirikan identiti negara dan rakyat Malaysia seperti wujudnya Taman Jepun atau '*Japanese Garden*' yang dikenali identitinya di seluruh dunia. Pembentukan Taman Malaysia adalah penting bagi mengekalkan nilai sejarah dan budaya yang mencerminkan ketamadunan dan identiti bangsa.

Bagi merealisasikan pembentukkan konsep taman Malaysia, Jabatan Landskap Negara telah mengadakan **Seminar Taman Malaysia** pada 27 hingga 28 November 2007 dengan kerjasama pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) yang telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Y. B Dato' Hj. Azizah bt. Datuk S.P Hj. Mohd Dun sebagai susulan Kajian Garis Panduan Rekabentuk Taman Malaysia yang dilaksanakan secara in-house pada tahun 2006 dan dijadualkan selesai pada Jun 2008. Objektif seminar ini diadakan adalah seperti berikut:-

Menghalusi / memperincikan kriteria-kriteria Taman Malaysia hasil daripada Wacana Taman Malaysia yang terdahulu.

menghasilkan pendekatan rekabentuk bagi melaksanakan Konsep Taman Malaysia pada skala yang besar / taman awam.

Sejumlah 120 peserta telah menghadiri seminar tersebut yang terdiri daripada PBT, NGO'S, Ahli ILAM, pengusaha lanskap dan pelajar IPTA. Sementara itu para penceramah serta ahli forum adalah terdiri daripada ahli profesional, budayawan, ahli sejarah dan ahli ekonomi yang mempunyai pengalaman luas serta dapat memberikan pandangan yang jauh terhadap pembentukan Taman Malaysia.



Majlis Perasmian oleh Y.B Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan



Sebahagian peserta yang menghadiri seminar

## Lawatan ke Perth & Melbourne, Australia

Seramai 4 orang peserta yang telah menyertai lawatan tersebut yang terdiri daripada Y.B Timbalan Menteri KPKT, Timbalan Ketua Pengarah JLN dan 2 pegawai yang masing-masing dari Bahagian Korporat KPKT dan Jabatan Landskap Negara. bertujuan untuk mempelajari pembangunan taman-taman awam dan botani yang dibina di Perth dan Melbourne, Australia.

Lawatan ini juga bertujuan untuk mengenalpasti dan mempelajari pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh pihak pengurusan taman di dalam merancang, membangun, menguruskan dan menyelenggara taman-taman tersebut.

Ianya diharapkan boleh dijadikan sebagai satu panduan asas dan rujukan bagi memastikan pembangunan Taman Awam Berskala Besar, Bukit Kiara dibangunkan dengan sempurna dan berdaya saing.



Laluan walkway di salah satu taman Perth, Australia yang boleh diterapkan dalam perancangan pembangunan TABB

## Panel Penasihat Landskap Malaysia

### Latarbelakang

Penubuhan Panel Penasihat landskap Malaysia adalah cetusan idea Y.A.B Perdana Menteri dan isteri Y.A.Bhg. Datin Seri Jeanne Abdullah. Lanjutan daripada itu, perjumpaan antara Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara dan Y.Bhg. Dato' Haji Ismail bin Ngah, Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara pada 27hb Oktober 2007 di Seri Perdana, telah bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa khas panel penasihat bagi menelaras dan menyeragam pelaksanaan dan pengurusan program Landskap Malaysia bagi menjadikan Malaysia sebuah negara taman yang indah dan bertaraf antarabangsa.

Pada 5hb November 2007, susulan daripada perbincangan antara Y.A.Bhg. Datin Seri Jeanne dengan ketua pengarah Jabatan Landskap Negara telah bersetuju untuk menamakan jawatankuasa ini sebagai **Panel Penasihat landskap Malaysia**

### Bidang Tugas

- Badan penasihat kepada kerajaan berhubung dengan pembangunan landskap dan aktiviti yang berkaitan dengannya
- Satu forum pergabungan idea dan pelbagai pihak bagi memantapkan pelaksanaan dasar, program dan aktiviti landskap di seluruh negara.
- Memberi nasihat mengenai perancangan, pelaksanaan dan pengurusan landskap.
- Memberi nasihat mengenai usaha pemeliharaan dan pemuliharaan landskap semulajadi.
- Memberi nasihat bagi meningkatkan tahap pendidikan, kemahiran pengembangan dan profesionalisma dalam pembangunan dan pengurusan landskap.
- Memberi nasihat bagi menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri landskap yang berdaya maju

### Ahli Panel

#### Pengerusi/Chairperson

Y.A.Bhg. Datin Seri Jeanne Abdullah

V. Bhg. Datin Nik Radiah Nik Hassan

**Ketua Editor Garden Asia**

#### Setiausaha

Y. Bhg. Dato' Hj. Ismail bin Ngah

**Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara**

Prof. Dr. Mustafa Kamal bin Mohd Shariff

**Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia**

#### Ahli Panel

Y.Bhg. Tan Sri Samsudin bin Osman

**Presiden Perbadanan Putrajaya**

Tn. Hj. Nik Malik bin Zainal Abidin

**Principal, Malik Lip and Associates**

Y. Bhg. Datin Seri Normala bt Samsudin

En. Mohd Fadrillah bin Mohd Taib

**Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM)**





## LAPORAN TAHUNAN 2008

**Jabatan Landskap Negara**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

*tkt 7, Plaza Permata-IGB,*

*Jln Kampar off Jln Tun Razak,*

*50400 KL*

Tel 03 4047 0000

Faks 03 4045 2415

Emel: [kpjn@kpkt.gov.my](mailto:kpjn@kpkt.gov.my)

Laman Web : [www.kpkt.gov.my/jjn](http://www.kpkt.gov.my/jjn)

